

KRITERIA PEMILIHAN PERUNDING BAGI LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING*(Bagi kos projek pembangunan fizikal sehingga RM50 juta)*

| Disiplin | Kriteria Pemilihan Nama Perunding | | | | |
|--------------------|-----------------------------------|-------------------------|-------------------|-------------------|----------|
| | Beban Kerja Dalam Tangan | Lokasi Projek/ Lokaliti | Bil. Professional | Pengalaman Serupa | Prestasi |
| Arkitek | √ | √ | √ | √ | √ |
| Awam & Struktur | √ | √ | √ | √ | √ |
| Kejuruteraan Jalan | √ | √ | √ | √ | √ |
| Mekanikal | √ | √ | √ | √ | √ |
| Elektrikal | √ | √ | √ | √ | √ |
| Alam Sekitar | √ | √ | √ | √ | √ |
| Ukur Bahan | √ | √ | √ | √ | √ |

Kriteria asas pemilihan perunding sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia di bawah adalah dirujuk dalam membuat pertimbangan dan perakuan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP).

6.0 KAEDAH PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

6.1 Kriteria Asas Pemilihan Perunding

6.1.1 Agensi Kerajaan yang memerlukan perkhidmatan perunding hendaklah membuat pemilihan perunding berdasarkan kriteria-kriteria asas berikut:

6.1.1.1 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan;

(a) Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah sepanjang tempoh pemilihan dan perkhidmatan firma. Sekiranya tempoh pendaftaran firma luput dalam peringkat pelaksanaan sesebuah projek/kajian, Agensi hendaklah memastikan firma yang dilantik menyegerakan pembaharuan pendaftarannya.

6.1.1.2 Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan;

(a) Kod bidang yang berkaitan hendaklah di bawah kod berkaitan perkhidmatan perunding seperti di perenggan 2.3.

6.1.1.3 Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf;

(a) Tempoh pendaftaran kakitangan profesional firma yang terlibat dalam projek/kajian yang ingin dilaksanakan hendaklah masih sah sepanjang tempoh pemilihan dan perkhidmatan firma. Sekiranya tempoh pendaftaran kakitangan profesional firma luput dalam peringkat pelaksanaan sesebuah projek/kajian, Agensi hendaklah memastikan kakitangan profesional firma berkenaan menyegerakan pembaharuan pendaftarannya.

6.1.1.4 Saiz dan keupayaan firma perunding bersesuaian dengan projek/kajian;

(a) Bilangan kakitangan profesional di bawah bidang perkhidmatan yang sama hendaklah mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian. Bagi projek pembangunan fizikal, rujuk jadual di bawah sebagai panduan. Jadual ini adalah tidak mandatori, ia adalah hanya panduan Agensi. Agensi boleh menentukan bilangan profesional mengikut kesesuaian projek dengan mengambil kira kesediaan industri untuk menyediakan bilangan profesional yang dikehendaki. Hendaklah dipastikan bilangan yang ditetapkan tidak membebankan firma dan menyekat peluang firma untuk menyertai perolehan Agensi.

| Kategori | Kos Projek (RM) | Bilangan Minima Profesional ¹ | | | |
|----------|---------------------------|--|---------|------------|-----|
| | | C&S | Arkitek | Ukur Bahan | M&E |
| A | 100 juta dan ke atas | 6 | 6 | 6 | 6 |
| B | 60 juta sehingga 100 juta | 4 | 4 | 4 | 4 |
| C | 30 juta sehingga 60 juta | 3 | 3 | 3 | 3 |
| D | Kurang daripada 30 juta | 2 | 2 | 2 | 2 |

(b) Sekiranya firma tidak mampu memenuhi kriteria bilangan kakitangan yang dikehendaki oleh Agensi, firma perunding adalah dibenarkan untuk *outsource* kakitangan sementara atau bergabung dengan firma lain secara *project basis*. Gabungan dengan firma lain hendaklah dipastikan ianya adalah turut berdaftar dengan MOF.

6.1.1.5 **Bilangan kakitangan yang mempunyai kepakaran khusus selaras dengan perkhidmatan yang diperlukan;**

(a) Firma hendaklah mempunyai bilangan personel yang mempunyai kelayakan/pengalaman dalam bidang yang diperlukan

6.1.1.6 **Kepakaran perunding dalam berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempata bagi pengemukaan dokumen permohonan Kebenaran Merancang/Kelulusan Pelan Bangunan**

Bagi memastikan keperluan teknikal dan prosidur pengemukaan dokumen bagi permohonan Kebenaran Merancang/Kelulusan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat dengan teratur oleh perunding, Agensi adalah disarankan ketika membuat pemilihan perunding di peringkat awal menetapkan kriteria penilaian perunding seperti berikut:

- (a) Ke kerapannya berurusan dengan PBT di lokaliti projek yang akan dilaksanakan; dan
- (b) Mengadakan sesi temuduga perunding sebagai salah satu daripada Kriteria Utama Penilaian Teknikal untuk mendapatkan kepastian mengenai pengalaman perunding berurusan dengan PBT berkaitan.

¹Kakitangan Profesional adalah individu yang berdaftar dengan Lembaga Profesional masing-masing sama ada dengan atau tanpa gelaran profesional. Contohnya Arkitek (gelaran : AR), Ingenieur (gelaran : IR), Surveyor (gelaran : SR) dan lain-lain.